

JKR 29300-0040-17

GARIS PANDUAN



PENILAIAN PRESTASI DAN PENARAFAN BANGUNAN



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



**Unit Perunding Pengurusan Aset
Bahagian Perundingan Pengurusan Aset
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu**

PENGHARGAAN

Dokumen Garis Panduan Penilaian Prestasi dan Penarafan Bangunan ini telah disiapkan dengan hasil usaha yang berterusan dan dinamik oleh pegawai-pegawai dari Unit Perunding Pengurusan Aset (UPPA), Bahagian Perundingan Pengurusan Aset (BPPA), Cawangan Pengurusan Aset Bersepadu, Jabatan Kerja Raya. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di atas sumbangan dan sokongan yang diberikan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan garis panduan ini.

Pengerusi Jawatankuasa :

Ir. Hj. Mohd Sabri Bin Mat Deris

Pengarah Pakar, Bahagian Perunding Pengurusan Aset (BPPA, CPAB)

Jawatankuasa Penggubal :

- i. Hj. Mohd Ilhami Bin Idrus
- ii. Faizul Azlan Bin Loman
- iii. Ir. Nor Haziman Bin Noh
- iv. Roslina Binti Hj. Abd. Aziz
- v. Che Wan Nor Rahibiyah Binti Che Wan Adnan
- vi. Shahril Bin Azizi
- vii. Aieza Binti Mohd Yusop
- viii. Mohd Fadzly Bin Samsudin
- ix. Siti Syahielah Binti Abdul Ghani
- x. Varatharajoo A/L Munusamy
- xi. Mohd Alwan Bin Ramli
- xii. Safri Bin Karim
- xiii. Mat Shah Bin Mukhtar
- xiv. Mohamad Syed Azhim Bin Mohd Kassim
- xv. Farah Arina Binti Tamin

Dengan Kerjasama Ahli Jemputan :

- | | | |
|--------|---|---------------------------------------|
| i. | Prof. Madya Sr. Dr. Adi Irfan Bin Che-Ani | UKM |
| ii. | Dr. Noraini Binti Hamzah | UKM |
| iii. | Ahmad Zailan Bin Azizuddin | Jab. Penilaian dan Perkhidmatan Harta |
| iv. | Hj. Mohd. Hanapi Bin Amin | Caw. Kerja Keselamatan, JKR |
| v. | Zalina Binti Mohd Yusuf | Caw. Kejuruteraan Mekanikal, JKR |
| vi. | Abdullah Bin Awang | Caw. Kejuruteraan Elektrik, JKR |
| vii. | Ir. Mohd Zaini Bin Abu Hassan | Caw. Kejuruteraan Elektrik, JKR |
| viii. | Siti Fadzilah Binti Zainudin | BSFB, JKR |
| ix. | Hazrul Aizat Bin Mohammad | BSFB, JKR |
| x. | Zaiti Binti Kamsan | JKR Negeri Sembilan |
| xi. | Razaman Bin Udin | JKR Wilayah Persekutuan KL |
| xii. | Rabiah Binti Ab. Aziz | JKR Selangor |
| xiii. | Aini Fadzilah Binti Yaacob | JKR Selangor / BPKS |
| xiv. | Nor Rapidah Binti Musthafa | JKR Melaka |
| xv. | Farah Binti Abdul Samad | CAST, JKR |
| xvi. | Maznida Shahila Binti Mat Salleh | CPAB |
| xvii. | Ir. Hj. Zulkify Bin Yaacob | CPAB |
| xviii. | Hj. Dzulhadi Bin Sapari | CPAB |
| xix. | Maziah Binti Abu Hassan | CPAB |
| xx. | Syed Mahadhir Bin Wan Ibrahim | CPAB |
| xxi. | Ameyrullah Bin Arshad | CPAB |
| xxii. | Nurhayati Binti Abdul Hamid | CPAB |

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	i - ii
ISI KANDUNGAN.....	iii - v
SENARAI JADUAL.....	vi - vii
SENARAI GAMBAR RAJAH.....	viii

BAHAGIAN A ~ GARIS PANDUAN

Pengenalan	2
Objektif.....	3
Definisi.....	3
Singkatan.....	4
Skop.....	5
Penggunaan Garis Panduan	5
Pra Syarat Penilaian Prestasi Bangunan.....	5
Peranan dan Tanggungjawab.....	6
Prosedur Penilaian Prestasi Bangunan	10
Prosedur Penarafan Bangunan	11
Parameter Penilaian Prestasi Bangunan.....	12
Kaedah Penilaian Prestasi dan Penarafan Bangunan	19
Klasifikasi Penarafan.....	21
Impak Penarafan.....	22
Penutup.....	22
Rujukan.....	23

BAHAGIAN B ~ MANUAL PENGGUNA

PENGENALAN.....	25
OBJEKTIF.....	25
KEPERLUAN PEMERIKSAAN.....	25
PELAKSANAAN PEMERIKSAAN.....	25
MARKAH KESELURUHAN PARAMETER.....	66

BAHAGIAN C ~ MANUAL PROSES KERJA

PROSES KERJA PARAMETER 1 : KEADAAN FIZIKAL	70
PROSES KERJA PARAMETER 2 : KECEKAPAN OPERASI	71
PROSES KERJA PARAMETER 3 : PENGGUNAAN RUANG	72
PROSES KERJA PARAMETER 4 : KELESTARIAN	73
PROSES KERJA PARAMETER 5 : NILAI ASET.....	77

BAHAGIAN D ~ LAMPIRAN

JKR/PP/SS-01	SENARAI SEMAK PERLAKSANAAN..... PENILAIAN PRESTASI BANGUNAN	79
JKR/PP/BMA-01	BORANG MAKLUMAT AM PENILAIAN &..... PENARAFAN BANGUNAN	82
JKR/PP/BOP-01	BORANG MAKLUMAT DATA KOS OPERASI DAN PENYENGGARAAN BANGUNAN.....	83
JKR/PP/BPR-01	BORANG MAKLUMAT DATA	84
	PENGGUNAAN RUANG	
JKR/PP/BLS-01a	BORANG MAKLUMAT DATA BACAAN SUHU, ILLUMINANCE DAN KEBISINGAN.....	85

JKR/PP/BLS-01b	BORANG MAKLUMAT DATA KESILAUAN, <i>RELATIVE HUMIDITY</i> DAN <i>AIR MOVEMENT</i>	86
JKR/PP/BLS-01c	BORANG MAKLUMAT DATA KEMUDAHAN OKU.....	87
JKR/PP/BLS-01d	BORANG MAKLUMAT DATA PENGURUSAN PENYENGGARAAN.....	88
JKR/PP/BLS-01e	BORANG MAKLUMAT DATA KECEKAPAN PENGUNAAN AIR.....	89
JKR/PP/BLS-01f	BORANG MAKLUMAT DATA STANDARD PENGURUSAN KEM / JAB / AGENSI.....	90
JKR/PP/NA-01	BORANG MAKLUMAT DATA FASILITI DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN.....	91
JKR.PATA.F7/5	RINGKASAN LAPORAN PENYENGGARAAN DAN PERBELANJAAN ASET TAK ALIH.....	92
JKR.PATA.F8/2	LAPORAN PERLAKSANAAN PENILAIAN KEADAAN / PRESTASI ASET.....	93
JKR.PATA.F8/3	PERAKUAN PENILAIAN KEADAAN / PRESTASI ASET.....	94
JKR.PATA.F8/4	LAPORAN PERAKUAN PENILAIAN KEADAAN / PRESTASI ASET.....	95
JKR.PATA.F8/5	KEPUTUSAN PELAKSANAAN PENILAIAN KEADAAN / PRESTASI ASET.....	96
JKR.PATA.F8/6	PERAKUAN UNTUK PELUPUSAN ASET TAK ALIH KERAJAAN.....	97
LAMPIRAN A	BORANG SOAL SELIDIK PENGGUNA DALAMAN....	99
LAMPIRAN B	BORANG SOAL SELIDIK PENGGUNA LUARAN.....	102

SENARAI JADUAL

JADUAL	PERKARA	M/S
1.0	Tahap Penilaian Prestasi Aset	19
2.0	Nilai Pemberat Bagi Setiap Parameter	20
3.0	Klasifikasi Penarafan Bangunan	21

SENARAI GAMBAR RAJAH

GAMBAR RAJAH	PERKARA	M/S
1.0	Carta Alir Penilaian Prestasi Bangunan	10
2.0	Carta Alir Penarafan Bangunan	11
3.0	Carta Radar bagi lima (5) Parameter Penilaian Prestasi	20

BAHAGIAN A ~ GARIS PANDUAN

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Penilaian prestasi bangunan adalah merupakan satu pendekatan sistematik dalam menguruskan prestasi sesuatu bangunan bagi memenuhi kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan.
- 1.2 Menjadi tanggungjawab pemilik aset iaitu kementerian/ jabatan/ agensi untuk memastikan bangunan berada pada tahap optimum melalui pengurusan aset secara sistematik dan strategik seperti yang digariskan dalam Dasar Pengurusan Aset Kerajaan yang dilancarkan pada Mac 2009.
- 1.3 Bangunan berprestasi tinggi (*high performance building*) dapat memberi faedah yang terbaik kepada pengguna melalui tadbir urus yang berkesan, penerapan ciri-ciri kelestarian dan seterusnya mengelakkan pembaziran.
- 1.4 Dokumen ini dibangunkan adalah bertujuan untuk menyediakan panduan bagi penilaian prestasi dan penarafan bangunan kerajaan. Seterusnya, memastikan aktiviti tersebut dapat dilakukan dengan lebih sistematik dan seragam.
- 1.5 Lima (5) parameter telah ditetapkan dalam proses penilaian prestasi dan penarafan bangunan iaitu :
 - i) **Keadaan Fizikal** (*Physical Condition*);
 - ii) **Kecekapan Operasi** (*Operational Efficiency*);
 - iii) **Penggunaan Ruang** (*Space Utilisation*);
 - iv) **Kelestarian** (*Sustainability*); dan
 - v) **Nilai Aset** (*Asset Value*).

2.0 OBJEKTIF

Penilaian prestasi dan penarafan bangunan ini dilaksanakan bertujuan untuk :

- i) Mengenal pasti tahap prestasi bangunan kerajaan bagi menentukan tindakan susulan yang berkaitan oleh Kementerian/ Jabatan/ Agensi; dan
- ii) Memberi penarafan kepada bangunan milik Kementerian/ Jabatan/ Agensi tersebut berdasarkan tahap prestasi.

3.0 DEFINISI

“Penilaian Prestasi Bangunan”

Proses penilaian berterusan atau berkala terhadap prestasi sebenar bangunan melalui kaedah kuantitatif dan kualitatif berbanding dengan objektif, sasaran, atau piawaian yang ditetapkan bagi menentukan tindakan susulan (penyenggaraan/ pemulihan/ ubah suai/ naik taraf/ pelupusan).

“Penarafan”

Proses memberikan gred tertentu berdasarkan kriteria dan parameter yang telah ditetapkan.

“Defect Liability Period”

Merupakan satu tempoh tanggungan kecacatan iaitu tempoh tanggungjawab kontraktor menyenggara atau membaiki kecacatan/ kerosakan produk selepas pembinaan yang ditetapkan dalam kontrak.

“Building Condition Assessment”

Proses pemeriksaan dan penilaian terhadap keadaan fizikal bangunan-bangunan kerajaan sedia ada melibatkan kejuruteraan awam & struktur, sistem mekanikal dan sistem elektrik.

“Bangunan Berprestasi Tinggi”

Hasil daripada integrasi dan pengoptimuman lima (5) parameter iaitu keadaan fizikal, kecekapan operasi, penggunaan ruang, kelestarian dan nilai aset.

4.0 SINGKATAN

BCA	-	<i>Building Condition Assesment</i> (Pemeriksaan dan Penilaian Keadaan Bangunan Sediada)
BMS	-	<i>Building Management System</i>
BEI	-	<i>Building Energy Index</i>
DLP	-	<i>Defect Liability Period</i> (Tempoh Tanggungan Kecacatan)
GFA	-	<i>Gross Floor Area</i>
JKPAK (Fasiliti)	-	Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (Fasiliti) Peringkat Kementerian/ Jabatan / Agensi
JPAK	-	Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan
JPPH	-	Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
PP	-	Pegawai Pengawal
PIF	-	Pegawai Inspektorat Fasiliti
PTF	-	Pegawai Teknikal Fasiliti
PPT	-	Pegawai Penilai Teknikal
KSN	-	Ketua Setiausaha Negara
SPSS	-	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
TPATA	-	Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan
DPA	-	Daftar Premis Aset
POE	-	<i>Post Occupancy Evaluation</i> (Penilaian Pasca Menduduki)

5.0 SKOP

- 5.1 Garis panduan ini digunakan untuk penilaian prestasi bangunan pada semua jenis blok bangunan di dalam premis milik kerajaan sahaja.

6.0 PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

- 6.1 Garis panduan ini hendaklah dirujuk bersama Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (TPATA).

7.0 PRA SYARAT PENILAIAN PRESTASI BANGUNAN

- 7.1 Terdapat beberapa pra-syarat pemilihan blok bangunan yang perlu dipatuhi sebelum memulakan kerja-kerja penilaian iaitu:
- a) Blok bangunan telah didaftarkan di dalam aplikasi mySPATA;
 - b) Blok bangunan telah tamat DLP dan beroperasi sekurang-kurangnya 3 tahun;
 - c) Blok bangunan telah menjalani Pemeriksaan dan Penilaian Keadaan Bangunan Sediada (BCA); dan
 - d) Blok bangunan telah menjalani Penilaian Pasca Menduduki (POE Tahap 1).

8.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

8.1 Pegawai Teknikal Fasiliti (PTF)

8.1.1 PTF hendaklah memastikan pengurusan aset tak alih kerajaan dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan di kementerian/ jabatan/ agensi masing-masing dengan melaksanakan perkara-perkara berikut:

- i) Mengarahkan PIF untuk menubuhkan pasukan Panel Penilai Teknikal bagi melaksanakan aktiviti penilaian prestasi dan penarafan bangunan;
- ii) Membentangkan laporan dalam mesyuarat JKPAK (Fasiliti); dan
- iii) Membuat pengesyoran dan melaksanakan tindakan susulan berdasarkan kepada hasil pelaporan yang dikemukakan.

8.2 Pegawai Inspektorat Fasiliti (PIF)

8.2.1 PIF bertanggungjawab dalam melantik Panel Penilai Teknikal, mengawal dan memantau pelaksanaan aktiviti penilaian prestasi dan penarafan bangunan.

8.3 Panel Penilai Teknikal (PPT)

8.3.1 PPT dilantik dari semasa ke semasa berdasarkan kepada keperluan penilaian prestasi bangunan pejabat dan boleh dilantik secara dalaman (*in-house*) atau penyumberan luar (*outsourcing*). Keanggotaan Panel Penilai Teknikal hendaklah terdiri daripada:

- i) Secara Dalaman;
Satu (1) orang wakil daripada kementerian/ jabatan/ agensi yang terdiri daripada setiap disiplin senibina, kejuruteraan awam, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektrik dan ukur bangunan yang mempunyai kepakaran dalam menilai prestasi bangunan yang berkaitan atau

- ii) **Secara Penyumberan Luaran;**
Satu (1) orang wakil daripada pihak perunding atau Jabatan Teknik yang terdiri daripada setiap disiplin senibina, kejuruteraan awam, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektrik dan ukur bangunan yang mempunyai kepakaran dalam menilai prestasi bangunan yang berkaitan;
- iii) **Seorang wakil Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang terdiri daripada Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana atau yang setaraf yang terlibat dalam pengurusan bangunan yang dinilai; dan**
- iv) **Seorang pegawai dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan Jabatan Warisan Negara (sekiranya berkaitan).**

8.3.2 Walau bagaimanapun, bilangan keanggotaan Panel Penilai Teknikal adalah bergantung kepada kompleksiti sesebuah bangunan dan mendapat persetujuan PTF.

8.3.3 Panel Penilai Teknikal ini perlu melaksanakan aktiviti penilaian, penyediaan dan mengemukakan laporan penilaian prestasi bangunan kepada Urus Setia Penarafan Prestasi Bangunan untuk tindakan selanjutnya.

8.4 Urus Setia Penilaian Prestasi dan Penarafan Bangunan

8.4.1 Urus Setia Penilaian Prestasi dan Penarafan Bangunan dilantik oleh Ketua Jabatan di kementerian/ Jabatan / Agensi masing-masing.

8.4.2 Tempoh sah perantikan ahlinya adalah selama tiga (3) tahun. Keanggotaannya adalah terdiri daripada disiplin senibina, kejuruteraan awam, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektrik dan ukur bangunan.

8.4.3 Peranan Urus Setia Penilaian Prestasi dan Penarafan Bangunan adalah seperti berikut:

- i) **Mengurus perlantikan Lembaga Penarafan Prestasi Bangunan;**
- ii) **Mendapatkan laporan penilaian daripada Panel Penilai Teknikal;**
- iii) **Menyemak kecukupan dokumen yang berkaitan;**
- iv) **Mengemukakan laporan penilaian kepada Lembaga Penarafan Prestasi Bangunan untuk diperakukan; dan**
- vi) **Mengeluarkan Sijil Perakuan Penarafan Prestasi Bangunan kepada kementerian/ jabatan/ agensi yang berkaitan.**

8.5 Lembaga Penarafan Prestasi Bangunan

8.5.1 Lembaga Penarafan Prestasi Bangunan ini hendaklah terdiri daripada individu-individu yang kompeten dan berpengalaman luas di dalam bidang berkaitan.


8.5.2 Ahli Lembaga dilantik oleh Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN). Tempoh sah perlantikan adalah selama tiga (3) tahun. Keanggotaannya hendaklah terdiri daripada sekurang – kurangnya satu (1) orang wakil masing – masing daripada:

- (i) **Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia;**
- (ii) **Lembaga Jurutera Malaysia;**
- (iii) **Lembaga Arkitek Malaysia;**
- (iv) ***Royal Institute Surveyor Malaysia (RISM);***
- (iv) **Lembaga Juruukur Malaysia;**
- (vi) **Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta;**
- (vii) ***Malaysian Asset & Project Management Association (MAPMA); dan***
- (viii) **Jabatan Teknik (Jabatan Kerja Raya/ Jabatan Pengairan Saliran).**

8.5.3 Lembaga Penarafan Bangunan berperanan memperakukan perkara-perkara berikut :


- i) Memperakukan Laporan Penilaian Prestasi dan Penarafan Bangunan yang disediakan oleh Panel Penilai Teknikal; dan**
- ii) Memberi penarafan kepada bangunan yang telah menjalani penilaian prestasi.**

9.0 PROSEDUR PENILAIAN PRESTASI BANGUNAN



Gambar Rajah 1.0 : Carta Alir Penilaian Prestasi Bangunan

10.0 PROSEDUR PENARAFAN BANGUNAN



Gambar Rajah 2.0 : Carta Alir Penarafan Bangunan

11.0 PARAMETER PENILAIAN PRESTASI BANGUNAN

11.1 Berikut adalah merupakan lima (5) parameter utama yang telah dikenal pasti untuk menjalankan aktiviti penilaian iaitu:

- i) Keadaan Fizikal;
- ii) Kecekapan Operasi;
- iii) Penggunaan Ruang;
- iv) Kelestarian; dan
- v) Nilai Aset.

11.1.1 KEADAAN FIZIKAL

Penilaian keadaan fizikal adalah berdasarkan kepada pemeriksaan **secara visual** terhadap blok bangunan pejabat di dalam sesuatu premis dan ujian di tapak turut dijalankan sekiranya perlu. Kerja-kerja pemeriksaan adalah mengenai:

- a) Keadaan fizikal bangunan;
- b) Keadaan struktur bangunan;
- c) Apa-apa penambahan atau perubahan yang mempengaruhi struktur bangunan; dan
- d) Syarat-syarat lain yang boleh mempengaruhi keselamatan penghuni berdasarkan fungsi bangunan dibina.

Keputusan Laporan Pemeriksaan Dan Penilaian Keadaan Bangunan Sedia Ada (BCA) akan dianalisa bagi tujuan penarafan bangunan.

11.1.2 KECEKAPAN OPERASI

Parameter kecekapan operasi adalah merujuk kepada sub parameter berikut

:

- i) Keberkesanan Kos; dan
- ii) Pencapaian KPI Penyenggaraan.

11.1.2.1 Keberkesanan Kos

Keberkesanan kos adalah merujuk kepada jumlah perbelanjaan sebenar bagi tahun semasa untuk menjalankan enam (6) aktiviti utama penyenggaraan berbanding dengan peruntukan yang diterima oleh Kementerian/ Jabatan/ Agensi. Enam (6) aktiviti utama penyenggaraan tersebut dinyatakan di dalam Garis Panduan Penyenggaraan Berjadual Bangunan Kerajaan iaitu:

- a) Penyenggaraan Sivil & Struktur;
- b) Penyenggaraan Penjagaan Kebersihan (*Housekeeping*);
- c) Penyenggaraan Lanskap dalam perimeter bangunan;
- d) Penyenggaraan Mekanikal;
- e) Penyenggaraan Elektrik;
- f) Penyenggaraan Kawalan Makhluk Perosak; dan
- g) Lain-lain penyenggaraan yang berkaitan

11.1.2.2 Pencapaian KPI Penyenggaraan

Pencapaian KPI Penyenggaraan ditentukan melalui pengukuran prestasi amalan penyenggaraan yang telah dilaksanakan melalui empat (4) program penyenggaraan seperti dinyatakan di dalam Buku Panduan Tahap Prestasi Penyenggaraan Aset (TPPA) iaitu :

- a) Penyenggaraan Am (PyA);
- b) Penyenggaraan Pembaikan (PyB);
- c) Penyenggaraan Pencegahan (PyC); dan
- d) Kajian Kepuasan Pelanggan.

Elemen bagi setiap program penyenggaraan diukur berdasarkan kepada *Agreed Service Level (ASL)* yang telah ditetapkan oleh Kementerian/ Jabatan/ Agensi dan ianya dijadikan sebagai Petunjuk Prestasi (PI) kepada program penyenggaraan tersebut.

11.1.3 PENGGUNAAN RUANG

Parameter penggunaan ruang di dalam garis panduan ini adalah seperti berikut dengan merujuk Manual Operasi Pengurusan Ruang (MOPR).

- i. Pematuhan Piawai Keluasan Ruang (Berdasarkan Pematuhan Piawaian EPU)
- ii. Kadar Kepenghunan Ruang (Semua Ruang – Ruang aktif / tidak aktif)
- iii. Kadar Kekерapan Ruang (Ruang gunasama khusus – Bilik Mesyuarat/Bilik Bincang/Bilik Latihan)
- iv. Penilaian Pasca Menduduki Tahap 1 (berdasarkan soal selidik POE Tahap 1)

11.1.3.1 Pematuhan Piawai Ruang

Melibatkan aktiviti pematuhan piawaian keluasan ruang, ia perlu dibuat ke atas semua ruang yang telah didaftarkan di dalam premis tersebut mengikut Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan oleh Jawatankuasa Piawaian dan Kos, Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri yang sedang berkuatkuasa.

11.1.13.2 Kadar Kepenghunan Ruang (Semua Ruang Ruang Aktif / Tidak Aktif)

Kadar penghunian ruang adalah penilaian penggunaan ruang sama ada aktif / tidak aktif mengikut kategori ruang. Terdapat dua (2) langkah yang perlu diambil untuk mengukur kadar kepenghunan ruang :

- i. Bilangan ruang yang aktif
- ii. Bilangan ruang keseluruhan

11.1.13.3 Kadar Kekerapan Ruang (Ruang gunasama sahaja)

Kadar kekerapan ruang adalah ukuran penggunaan ruang berdasarkan kepada jumlah jam penggunaan. Terdapat dua (2) langkah yang perlu diambil kira iaitu dapatkan jam penggunaan setiap ruang dan dapatkan jumlah maksimum jam yang diperuntukan. Penilaian dilaksanakan terhadap ruang-ruang gunasama sahaja iaitu seperti berikut :

- a) Bilik Mesyuarat;
- b) Bilik Bincang;
- c) Bilik Latihan; dan
- d) Lain-lain ruang gunasama

11.1.13.4 Penilaian Pasca Menduduki Tahap 1 (POE Tahap 1)

Merujuk Garis Panduan Penilaian Pasca Menduduki Tahap 1, kajian ini adalah bertujuan untuk mengukur keberkesanan rekabentuk dalam memenuhi keperluan penghuni bangunan dan mengumpul maklumat bagi penambahbaikan terhadap brif rekabentuk bangunan. Ia juga mengambil kira beberapa faktor seperti kemudahan, persekitaran, rekabentuk senibina, lokasi, susunatur ruang, kebolehsenggaraan, kemas bangunan, kesihatan dan keselamatan. Ia melibatkan responden berikut:

- a) Penghuni Bangunan; dan
- b) Pengurus/ Operator Bangunan.

11.1.4 KELESTARIAN

Berikut adalah beberapa sub parameter yang telah dikenalpasti untuk menilai ciri-ciri kelestarian sesebuah bangunan iaitu:

- i) Kecekapan Tenaga;
- ii) Kualiti Persekitaran Dalaman;
- iii) Pengurusan Aset Lestari;
- iv) Kecekapan Penggunaan Air; dan
- v) Penyenggaraan Statutori.

11.1.4.1 Kecekapan Tenaga

- a) Indeks Tenaga Bangunan (BEI)

11.1.4.2 Kualiti Persekitaran Dalaman

- a) Tahap Keselesaan Visual
 - i) Kecerahan
 - ii) Kesilauan
- b) Tahap Keselesaan Termal
 - i) Suhu
 - ii) *Relative Humidity*
 - iii) *Air Movement*
- b) Tahap Keselesaan Akustik

11.1.4.3 Pengurusan Aset Lestari

- a) Kemudahan OKU;
- b) Pengurusan Sistem Bangunan (BMS); dan
- c) Pengurusan Sisa Pepejal/ Berjadual.

11.1.4.4 Kecekapan Penggunaan Air

- a) Sistem Pengumpulan & Penggunaan Semula Air Hujan (SPA);
- b) Produk Kecekapan Air; dan
- c) Kitar Semula Air Sisa

11.1.4.5 Penyenggaraan Statutori

Penyenggaraan statutori adalah merujuk kepada pelaksanaan operasi dan penyenggaraan bangunan selaras dengan peruntukan undang-undang dan peraturan semasa lain yang berkuatkuasa. Ini bagi memastikan aset dan fasiliti berfungsi dalam memenuhi keperluan penyampaian perkhidmatan.

Penilaian dijalankan terhadap Standard Sistem Pengurusan Kementerian/ Jabatan/ Agensi seperti berikut :

- a) Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001);
- b) Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OHSAS 18001);
- c) Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS 14001);
- d) Sistem Pengurusan Aset (ISO 55001); dan
- e) Sistem Pengurusan Tenaga (EnMS 50001).

11.1.5 NILAI ASET

Terdapat dua (2) sub parameter yang diambil kira iaitu :

- i) Fasiliti dan Perkhidmatan Sokongan; dan
- ii) Kajian Kepuasan Pelanggan

11.1.5.1 Fasiliti dan Perkhidmatan Sokongan (*Auxilliary Services*)

Fasiliti dan perkhidmatan sokongan adalah merujuk kepada kemudahan yang terdapat di dalam, di luar atau berdekatan sesuatu premis dan memberi manfaat kepada pengguna premis tersebut. Ia terdiri daripada :

- a) Kemudahan yang ditawarkan kepada komuniti seperti dewan, padang permainan, gelanggang sukan dan lain-lain;
- b) Kemudahan sistem pengangkutan awam seperti bas, teksi dan sistem pengangkutan rel; dan
- c) Kemudahan-kemudahan lain seperti perkhidmatan perbankan, perkhidmatan kesihatan, pejabat pos, pusat asuhan kanak-kanak, masjid dan lain-lain.

11.1.5.2 Kajian Kepuasan Pelanggan

Kajian kepuasan pelanggan adalah terdiri daripada :

- a) Soal Selidik Pelanggan Dalaman; dan
- b) Soal Selidik Pelanggan Luaran

12.0 KAEDAH PENILAIAN PRESTASI DAN PENARAFAN BANGUNAN

12.1 Tahap penilaian secara umum adalah berdasarkan kepada jadual di bawah:

Jadual 1.0 : Tahap Penilaian Prestasi Aset

TAHAP	HURAIAN
3 (Baik)	Tiada kecacatan/ kerosakan, keadaan aset baik dan boleh berfungsi dengan baik
2 (Sederhana)	Terdapat kecacatan/ kerosakan minor, keadaan aset sederhana dan masih lagi boleh berfungsi tetapi perlu dipantau
1 (Lemah)	Keadaan aset lemah/ kritikal, aset tidak dapat berfungsi mengikut tahap perkhidmatan dipersetujui


Walau bagaimanapun tahap penilaian secara khusus bagi setiap parameter dan contoh bagi proses penilaian ini ditunjukkan di dalam **Manual Pengguna** Bahagian B.

12.2 Kaedah Evaluation Matrix di dalam Value Management digunakan untuk menentukan nilai pemberat (*weightage*) bagi setiap parameter seperti di dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2.0 : Nilai Pemberat Bagi Setiap Parameter

PARAMETER	PEMBERAT (%)
Keadaan Fizikal	33
Kecekapan Operasi	27
Pengguna Ruang	20
Kelestarian	13
Nilai Aset	7
Jumlah Keseluruhan	100

12.3 Nilai pemberat bagi setiap parameter ditunjukkan dalam bentuk carta radar seperti di bawah:




Gambar Rajah 3.0 : Carta Radar Bagi Lima (5) Parameter Penilaian Prestasi

13.0 KLASIFIKASI PENARAFAN

13.1 Penarafan blok bangunan ini ditetapkan melalui penarafan bintang berdasarkan markah akhir penilaian. Jadual 3.0 di bawah menunjukkan klasifikasi penarafan bintang yang digunakan di dalam garis panduan ini.

Jadual 3.0 : Klasifikasi Penarafan Bangunan

MARKAH	PENARAFAN	KETERANGAN
$\geq 90\%$		Aset berkeadaan sangat baik, berfungsi memenuhi tujuan reka bentuk dan perundangan, mempunyai ciri-ciri kelestarian yang tinggi, tahap keselamatan yang sangat baik, tahap ekonomik serta penggunaan aset yang optimum.
$70\% \leq \text{markah} < 90\%$		Aset berkeadaan baik, berfungsi memenuhi tujuan reka bentuk dan perundangan, mempunyai ciri-ciri kelestarian yang memuaskan, tahap keselamatan yang tinggi, tahap ekonomik serta penggunaan aset yang baik.
$50\% \leq \text{markah} < 69\%$		Aset berkeadaan sederhana, berfungsi memenuhi tujuan reka bentuk dan perundangan, ada ciri-ciri kelestarian, tahap keselamatan yang sederhana, tahap ekonomik serta penggunaan aset yang sederhana.
$40\% \leq \text{markah} < 49\%$		Aset berkeadaan lemah, berfungsi memenuhi tujuan reka bentuk dan perundangan, tiada ciri - ciri kelestarian, tahap keselamatan yang rendah, tahap ekonomik serta penggunaan aset yang tidak baik.
$< 40\%$		Aset berkeadaan lemah, tidak berfungsi memenuhi tujuan reka bentuk dan perundangan, tiada ciri-ciri kelestarian, tahap keselamatan yang sangat rendah, tahap ekonomik serta penggunaan aset yang sangat lemah

13.2 Sijil penarafan akan dikeluarkan kepada semua blok bangunan yang telah mendapat perakuan penarafan daripada Lembaga Penarafan Prestasi Bangunan Pejabat.

13.3 Tempoh sah laku sijil penarafan ini adalah selama tiga (3) tahun. Dalam tempoh tersebut juga Kementerian/ Jabatan/ Agensi hendaklah melaksanakan penambahbaikan kepada bangunan tersebut sebelum memohon untuk penilaian semula bagi tujuan penarafan.

14.0 IMPAK

14.1 Pelaksanaan penilaian prestasi dan penarafan bangunan akan memberi impak yang besar kepada Kementerian/ Jabatan/ Agensi. Di antaranya :

- i) Membantu dalam merangka belanjawan tahunan yang lebih tepat dan efektif;
- ii) Asas kepada pelan perancangan aset di samping memudahkan aktiviti operasi dan penyenggaraan; dan
- iii) Memenuhi aspirasi kerajaan dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan seterusnya meningkatkan imej perkhidmatan awam.

15.0 PENUTUP

15.1 Berpandukan kepada garis panduan ini, penilaian prestasi dan penarafan bangunan dapat dijalankan dengan sistematik dan seragam.

15.2 Walau bagaimanapun, garis panduan ini adalah bersifat dinamik dan boleh ditambah baik dari semasa ke semasa berdasarkan kepada keperluan.

16.0 RUJUKAN

- a) Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM)
- b) Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA) Kerajaan, Bab E – Penilaian Keadaan/ Prestasi Aset
- c) *Asset Management 2001 (Australian Procurement & Construction Council Inc, APCC)*
- d) Kerangka Strategik Jabatan Kerja Raya 2012 - 2015
- e) *Green Building Index (Residential New Construction, RNC) – First Edition*
- f) *Determining the Criteria for The Classification of Purpose Built Office Buildings in Malaysia*, Yasmin Mohd Adnan et al. 2009
- g) *Building Asset Performance Framework, 2008 (Queensland Government)*
- h) *Code Of Practice For Energy Efficiency & Use Of Renewable Energy MS1525: 2014* oleh SIRIM
- i) Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos Edisi Tahun 2008.
- k) Garis Panduan Penilaian Pasca Menduduki (POE – Tahap 1)
- l) Garis Panduan Penyenggaraan Berjadual Bangunan Kerajaan
- m) Buku Panduan Tahap Prestasi Penyenggaraan Aset (TPPA)
- n) Garis Panduan Pemeriksaan Dan Penilaian Keadaan Bangunan Sedia Ada (BCA)
- o) Manual Operasi Pengurusan Ruang (MOPR)

BAHAGIAN B ~ MANUAL PENGGUNA

1.0 PENGENALAN

Manual Pengguna ini disediakan sebagai panduan dalam pelaksanaan kerja-kerja penilaian prestasi dan penarafan bangunan kerajaan.

2.0 OBJEKTIF

Tujuan manual pengguna ini adalah bagi membantu dan memudahkan pihak Kementerian/ Jabatan/ Agensi melaksanakan kerja-kerja penilaian prestasi dan penarafan bangunan.

3.0 KEPERLUAN PEMERIKSAAN

Sebelum melaksanakan kerja-kerja penilaian, beberapa persediaan perlu dibuat terlebih dahulu bagi memastikan aktiviti penilaian berjalan dengan lancar dan sempurna (rujuk **Bahagian D - JKR/PP/SS-01 dan JKR/PP/BMA-01**).

4.0 PELAKSANAAN PEMERIKSAAN

Pelaksanaan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada penilaian terhadap lima (5) parameter iaitu :

- i) Keadaan Fizikal
- ii) Kecekapan Operasi
- iii) Penggunaan Ruang
- iv) Kelestarian
- v) Nilai Aset

4.1 KEADAAN FIZIKAL

Penilaian terhadap parameter keadaan fizikal adalah menggunakan keputusan laporan BCA.

i) Kaedah pengiraannya adalah seperti berikut :

- Dapatkan jumlah skor BCA bagi blok tersebut, **contohnya 11.8**.
- Jumlah skor tersebut ditolak daripada **25** dan dibahagi pula dengan **25** (**25** merupakan jumlah skor maksimum dalam BCA).
- Nisbah tersebut perlu didarab dengan pemberat parameter iaitu **33%**.
- **SKor** yang diperolehi merupakan markah akhir bagi parameter ini.

ii) Contoh pengiraan :

- Skor BCA = **11.8**
- Pengiraan markah akhir parameter keadaan fizikal :

$$\text{Pemberat parameter keadaan fizikal} = \left(\frac{25 - \text{Markah BCA}}{25} \right) \times$$

$$= \left(\frac{25 - 11.8}{25} \right) \times 33\%$$

- Markah akhir parameter keadaan fizikal = **17.42**

4.2 KECEKAPAN OPERASI

Parameter kecekapan operasi terdiri daripada dua (2) sub parameter iaitu :

- i) Keberkesanan Kos; dan
- ii) Pencapaian Tahap Prestasi Penyenggaraan Aset (TPPA)

4.2.1 Keberkesanan Kos

Bagi sub parameter keberkesanan kos, kriteria yang diambil kira di dalam pengiraannya adalah kos **operasi dan penyenggaraan sahaja**.

- i) Kaedah pengiraannya adalah seperti berikut :
 - Tentukan jenis bangunan yang hendak dinilai samada *low rise* atau *high -rise*.
 - Dapatkan keluasan kasar lantai atau *Gross Floor Area (GFA)* bagi bangunan tersebut.
 - Bagi menentukan tahap setiap sub parameter, **jumlah kos operasi dan penyenggaraan per keluasan kasar lantai per tahun (RM/m²/tahun)** perlu ditentukan terlebih dahulu.

ii) Contoh pengiraan sub parameter kos operasi dan penyenggaraan.

Maklumat Blok Bangunan

- Premis : Kementerian X
Blok Bangunan : Blok A
Jumlah Aras : 2

Blok A	Keluasan Kasar Lantai, GFA (m ²)
Aras 1	3,700
Aras 2	3,500

$$\begin{aligned}\text{Jumlah GFA bagi Blok A} &= \text{Aras 1} + \text{Aras 2} \\ &= 3700 + 3500 \\ &= \underline{7200\text{m}^2}\end{aligned}$$

- Kos Operasi & Penyenggaraan Bangunan

**Borang 1.0: Maklumat Data Kos dan Penyelenggaraan Bangunan
JKR/PP/BOP-01**

(Komprehensif/ Konvensional) - *Potong yang tidak berkenaan

Nama Premis	Kementerian X
Nombor DPA	Rujuk mySPATA
Blok Bangunan	A
Kategori Bangunan	Low Rise
Keluasan Lantai Bangunan, GFA (m²)	7,200
Kos Operasi & Penyelenggaraan Bangunan (O&M) Bagi Tahun Semasa	
a) Kos Operasi / Pengurusan	
i) Gaji Kakitangan	RM 100,000.00
ii) Kawalan Makhluk Perosak	RM 7,000.00
iii) Perkhidmatan Pembersihan	Rm 24,460.00
iv) Lain-lain kos operasi/pengurusan yang berkaitan	
b) Kos Penyelenggaraan	
i) Mekanikal	RM 50,000.00
ii) Elektrik	RM 20,000.00
iii) Sivil & Struktur	RM 15,000.00
iv) Lanskap	RM 7,000.00
v) Lain-lain kos penyelenggaraan yang berkaitan	
Jumlah Kos O&M per tahun (RM/tahun)	RM 223,460.00
Kos O&M per GFA per tahun (RM/m²/tahun)	RM 31.03

- Kos O&M (RM/tahun) = **RM 223,460**
- GFA = **7,200m²**
- Kos O&M per GFA per tahun (RM/m²/tahun)
 - = **RM 223,460.00/7,200m²**
 - = **RM31.03m²/tahun**
- Oleh kerana kategori bangunan blok A adalah *low rise*, rujuk **Jadual 4.0** untuk penentuan tahap.

Jadual 4.0 : Tahap Operasi & Penyenggaraan

OPERASI DAN PENYENGGARAAN		TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3
(a)	Kos operasi dan penyenggaraan bagi kategori bangunan <i>low-rise</i> (RM/m ² /tahun)	<14 @ >35	14<x<24 @ 30<x<35	24 - 30
(b)	Kos operasi dan penyenggaraan bagi kategori bangunan <i>high-rise</i> (RM/m ² /tahun)	<16 @ >39	16<x<27 @ 33<x<39	27 - 33

- Tahap bagi sub parameter keberkesanan kos adalah **TAHAP 2.**

4.2.2 Pencapaian Tahap Prestasi Penyenggaraan Aset (TPPA)

Pencapaian ini ditentukan melalui pelaksanaan empat (4) program penyenggaraan seperti berikut:

- i) Pencapaian Penyenggaraan Am (PyA);
- ii) Pencapaian Penyenggaraan Pembaikan (PyB);
- iii) Pencapaian Penyenggaraan Pencegahan (PyC); dan
- iv) Keputusan Kajian Kepuasan Pelanggan

Kaedah penilaiannya adalah seperti berikut :

- Dapatkan markah daripada Laporan Pencapaian KPI Penyenggaraan. (Rujuk borang JKR.PATA.F7/5).
- Tentukan tahap di **Jadual 5.0**

Jadual 5.0 : Tahap TPPA

KECEKAPAN OPERASI	TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3
Tahap TPPA	$\leq 40\%$	$40\% < x < 60\%$	$> 60\%$

- Contoh markah laporan pencapaian KPI penyenggaraan bagi blok bangunan Y adalah 69%. Maka, tahap yang diperolehi adalah **TAHAP 2**.

4.2.3 Analisa Markah Akhir Bagi Parameter Kecekapan Operasi

- i) Analisa markah akhir bagi parameter kecekapan operasi adalah merujuk kepada keputusan tahap.
- ii) Jumlah markah yang diperolehi dibahagi dengan markah maksima tahap tersebut untuk mendapatkan nisbah parameter.
- iii) Nisbah tersebut perlu didarab dengan pemberat parameter iaitu **27%**.
- iv) Markah yang diperolehi merupakan markah akhir bagi parameter ini. **Keputusan Tahap Bagi Parameter Kecekapan Operasi**

KECEKAPAN OPERASI		TAHAP DIPEROLEHI	JUMLAH TAHAP MAKSIMUM
Keberkesanan Kos (Operasi dan Penyenggaraan)			
a)	Kos operasi dan penyenggaraan bagi kategori bangunan <i>low-rise</i> (RM/m ² /tahun)	2	3
b)	Kos operasi dan penyenggaraan bagi kategori bangunan <i>high-rise</i> (RM/m ² /tahun)		
Pencapaian Tahap Prestasi Penyenggaraan Aset		2	3
JUMLAH		4	6

- Pengiraan markah akhir parameter kecekapan operasi :

$$= \left(\frac{\text{Markah Diperolehi}}{\text{Markah Maksima}} \right) \times$$

Pemberat parameter kecekapan operasi

$$= \left(\frac{4}{6} \right) \times 27\%$$

- Markah akhir parameter kecekapan operasi = **18 %**

4.3 PENGGUNAAN RUANG

Parameter penggunaan ruang di dalam garis panduan ini adalah merujuk kepada sub parameter berikut :

- i) Pematuhan Piawai Keluasan Ruang (Semua Ruang - Berdasarkan Pematuhan Piawaian EPU)
- ii) Kadar Kepenghunan Ruang (Semua Ruang – Ruang aktif / tidak aktif)
- iii) Kadar Ke kerap an Ruang (Ruang gunasama khusus – Bilik Mesyuarat/Bilik Bincang/Bilik Latihan)
- iv) Penilaian Pasca Menduduki Tahap 1 (POE Tahap 1)

4.3.1 Pematuhan Piawai Keluasan Ruang (Berdasarkan Pematuhan Piawaian EPU)

- i) Kaedah penilaian pematuhan piawai ruang adalah seperti berikut :
 - Dapatkan jumlah bilangan ruang yang terdapat di dalam bangunan tersebut. Rujuk **Borang Maklumat Data Penggunaan Ruang: JKR/PP/BPR/-01**.
 - Ruang akan dibandingkan saiz dan keluasannya dengan polisi sesebuah jabatan (sekiranya tiada polisi pengurusan ruang dibangunkan oleh jabatan tersebut sila rujuk Garis Panduan dan Perancangan Bangunan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.

ii) Contoh pengiraan adalah seperti berikut:

- Bilangan ruang keseluruhan = **50 ruang**.
- Setelah pemeriksaan, didapati 40 bilangan ruang mematuhi keluasan yang telah ditetapkan di dalam Garis Panduan EPU.
- Maka, peratusan ruang yang mematuhi adalah seperti berikut :
= $(40/50) \times 100$
= **80%**

Nota : Bagi penentuan tahap pematuhan piawai, ambil bilangan ruang yang mematuhi EPU sahaja.

Jadual 6.0 : Tahap Pematuhan Piawai Ruang

PENGGUNAAN RUANG	TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3
Pematuhan Piawai Ruang	$x < 60\%$	$60\% \leq x < 76\%$	$x \geq 76\%$

- Tentukan tahap di **Jadual 6.0**
- Oleh kerana peratusan ruang adalah 80%, skala penilaian yang diperolehi adalah **TAHAP 3**.

4.3.2 Kadar Kepenghunan Ruang (Semua Ruang Aktif / Tidak Aktif)

Kadar penghunian ruang adalah penilaian penggunaan ruang sama ada aktif / tidak aktif mengikut kategori ruang. Terdapat dua (2) langkah yang perlu diambil untuk mengukur kadar kepenghunan ruang :

- i. Bilangan ruang yang aktif
- ii. Bilangan ruang keseluruhan

Contoh pengiraannya adalah seperti berikut: (untuk ruang yang aktif sahaja)

- Bilangan bilangan ruang keseluruhan = **240 ruang**.
- Setelah pemeriksaan, didapati 150 bilangan ruang yang aktif.
- Maka, kadar kepenghunan ruang = $(150/240) \times 100$
 $= 62.5 \%$

Jadual 7.0 : Tahap Kepenghunan Ruang

PENGGUNAAN RUANG	TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3
Kepenghunan Ruang	$x < 60\%$	$60\% \leq x < 76\%$	$x \geq 76\%$

- Tentukan tahap di **Jadual 7.0**
- Oleh kerana peratusan ruang adalah 62.5%, skala penilaian yang diperolehi adalah **TAHAP 2.**

4.3.3 Kadar Kekerapan Ruang (Ruang Gunasama Khusus – Bilik Mesyuarat/Bilik Bincang/Bilik Latihan)

Kekerapan adalah ukuran penggunaan ruang berdasarkan jumlah jam penggunaan. Terdapat dua (2) langkah yang perlu diambil :

- i. Perolehi jam penggunaan setiap ruang
- ii. Dapatkan jumlah maksimum jam yang diperuntukkan

Contoh pengiraannya adalah seperti berikut:

- Bilangan ruang = 24
- Kapasiti jam **maksima** sehari berdasarkan 240 bilik
= 24 x 8 jam
= 192 jam
- Bilangan jam yang digunakan **sehari** berdasarkan kutipan data bagi kesemua 24 ruang
= 24 x 6 jam
= 144 jam
= $\frac{\text{Bilangan jam yang digunakan}}{\text{Kapasiti jam maksima}} \times 100\%$
= $\frac{144 \text{ jam}}{192 \text{ jam}} \times 100\%$
= **75%**

Jadual 8.0 : Tahap Kekerapan Ruang

PENGGUNAAN RUANG	TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3
Kekerapan Ruang	$x < 60\%$	$60\% \leq x < 76\%$	$x \geq 76\%$

- Tentukan tahap di **Jadual 8.0**
- Oleh kerana peratusan ruang adalah 75%, skala penilaian yang diperolehi adalah **TAHAP 2.**

4.3.4 Penilaian Pasca Menduduki Tahap 1 (POE Tahap 1)

Kaedah penilaian pasca menduduki tahap 1 adalah berdasarkan soalan umum dalam borang soal selidik terhadap penghuni bangunan.

Kaedah pengiraannya adalah seperti berikut :

- Dapatkan peratusan markah daripada POE Tahap 1 (Kajian Indikatif).

Contoh :

Peratusan markah kepuasan penghuni bangunan = **49.09%**

- Tentukan tahap di Jadual 9.0

Jadual 9.0 : Tahap Penilaian Pasca Menduduki (POE Tahap 1)

PENGGUNAAN RUANG	TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3
Penilaian Pasca Menduduki (POE Tahap 1)	$x < 50\%$	$50\% \leq x < 85\%$	$x \geq 85\%$

- Maka skala penilaian yang diperolehi adalah **TAHAP 1**.

4.3.4 Analisa Markah Akhir Bagi Parameter Penggunaan Ruang

- i. Analisa markah akhir bagi parameter penggunaan ruang adalah merujuk kepada keputusan tahap.
- ii. Jumlah markah yang diperolehi dibahagi dengan markah maksima tahap tersebut untuk mendapatkan nisbah parameter.
- iii. Nisbah tersebut perlu didarab dengan pemberat parameter iaitu **20%**.
- iv. Markah yang diperolehi merupakan markah akhir bagi parameter ini.

Keputusan tahap Bagi Parameter Penggunaan Ruang

PENGUNAAN RUANG		TAHAP DIPEROLEHI	JUMLAH TAHAP MAKSIMUM
1	Pematuhan Polisi Ruang	3	3
2	Kadar Kepenghunan Ruang	2	3
3	Kadar Kekerapan Ruang	2	3
4	Soal Selidik Kepuasan Pelanggan	1	3
JUMLAH		8	12

- Pengiraan markah akhir parameter penggunaan ruang :

$$= \left(\frac{\text{Markah Diperolehi}}{\text{Markah Maksima}} \right) \times \text{Pemberat parameter penggunaan ruang}$$

$$= \left(\frac{8}{12} \right) \times 20\%$$

Markah akhir parameter penggunaan ruang = **13.33%**

4.4 KELESTARIAN

Parameter kelestarian adalah merujuk kepada sub parameter berikut :

- i) Kecekapan Tenaga
- ii) Kualiti Persekitaran Dalaman
- iii) Pengurusan Aset Lestari
- iv) Kecekapan Penggunaan Air
- v) Penyenggaraan Statutori

4.4.1 Kecekapan Tenaga - *Building Energy Index* (BEI)

Kaedah penilaian bagi sub parameter BEI adalah seperti berikut :

- Dapatkan jumlah penggunaan tenaga elektrik (kWh) tahunan bagi bangunan tersebut (maklumat boleh diperolehi menerusi bil elektrik bulanan).
- Dapatkan jumlah keluasan bangunan (m²).
- Sebagai contoh : Bangunan Blok A

Jumlah Penggunaan Tenaga Elektrik Tahunan = **1,069,920 kWh**

Keluasan Bangunan = **7,200 m²**

- Pengiraan bagi BEI adalah:

$$= \frac{\text{Jumlah Penggunaan Tenaga Elektrik Tahunan}}{\text{Keluasan Bangunan}}$$

$$= \frac{1,069,920 \text{ kWh}}{7,200 \text{ m}^2}$$

$$= \underline{\underline{148.6 \text{ kWh/m}^2/\text{tahun}}}$$

- Tentukan tahap di **Jadual 10.0**

Jadual 10.0 : Tahap *Building Energy Index*

Kecekapan Tenaga	TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3
<i>Building Energy Index</i> (BEI)	BEI >200	150 <BEI ≤200	BEI ≤150


- Oleh kerana BEI bangunan ini adalah **148.6 kWh/m²/tahun**, skala penilaian yang diperolehi adalah **TAHAP 2**.

4.4.2 Kualiti Persekitaran Dalaman

i) Tahap Keselesaian Visual - Kecerahan

Kaedah penilaian tahap keselesaian visual - kecerahan adalah seperti berikut :

- Bacaan *lux* bagi ruang yang ditentukan, diambil dengan menggunakan *lux meter*.
- Bagi setiap satu ruang, sekurang-kurangnya tiga (3) bacaan perlu diambil pada kedudukan yang berbeza di dalam ruang tersebut
- Bacaan ini direkodkan ke dalam **Borang JKR/PP/BLS-01a** (rujuk **Bahagian C**).



Gambar Rajah 4.0 : Titik bacaan *lux* bagi ruang A

- Purata Bacaan *Lux* Ruang A

$$= \frac{\text{Titik (1+2+3)}}{3}$$

$$= \frac{320+364+423}{3}$$

$$= \underline{\underline{369 \text{ lux}}}$$

- Tentukan tahap bagi **369 lux**, rujuk Jadual 11.0

Jadual 11.0 : Tahap Keselesaian Visual - Kecerahan

Kualiti Persekitaran Dalam	TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3
Tahap Keselesaian Visual			
Kecerahan	<200 lux @ >500 lux	200 ≤ x < 300 lux @	300 ≤ x ≤ 400 lux

- Aktiviti purata bacaan di atas diulang bagi ruang yang lain (contohnya B, C, D dan E)
- Purata bacaan *lux* bagi setiap ruang adalah seperti jadual di bawah:

Borang Purata Tahap JKR/PP/BPT

Ruang	Purata Bacaan (<i>lux</i>)	Tahap
A	369.0	3
B	350.5	3
C	364.6	3
D	367.4	3
E	189.5	1
Jumlah Tahap		13
Purata Tahap		2.60

- Jumlah purata tahap iaitu 2.60 tersebut hendaklah dirujuk dengan **Jadual 12.0 Jadual Purata Tahap** untuk mendapatkan tahap keselesaan visual bagi kecerahan.
- **Jadual 12.0** tersebut seperti di bawah dijadikan sebagai panduan dalam menentukan tahap keselesaan visual.

Jadual 12.0 : Jadual Purata Tahap

PURATA TAHAP	TAHAP
≤ 1.49	1
1.50 - 2.49	2
≥ 2.5	3

Nota : Purata tahap diatas perlu dibundar kepada dua (2) titik perpuluhan

- Oleh kerana purata tahap adalah adalah **2.60**, skala penilaian yang diperolehi adalah **TAHAP 3.**

ii) Tahap Keselesaian Visual - Kesilauan

Kaedah penilaian tahap keselesaian visual - kesilauan adalah seperti berikut :

- Ukuran kesilauan diambil daripada bacaan *lux* di luar dan di dalam bangunan dengan menggunakan *lux meter*.
- Sebagai contoh, bacaan di luar bangunan adalah 20,000 *lux* (E_o) manakala bacaan yang diambil dari dalam bangunan 400 *lux* (E_i).
- Maka, bacaan kesilauan untuk satu titik adalah diambilkira sebagai berikut:

$$DF = \frac{E_i}{E_o} \times 100$$

$$DF = \frac{400}{20000} \times 100$$

$$DF = 2$$

Merujuk kepada **Jadual 13.0** tahap yang diperolehi adalah **TAHAP 3**.


Jadual 13.0 : Tahap Keselesaian Visual - Kesilauan

Kualiti Persekitaran Dalam	TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3
Tahap Keselesaian Visual - Kesilauan			
Kesilauan (DF)	DF >6%	3.5% < DF ≤ 6%	1% ≤ DF ≤ 3.5%

iii) **Tahap Keselesaan Termal - Suhu**

Kaedah penilaian tahap keselesaan termal - suhu adalah seperti berikut :

- Bacaan suhu ruang diambil dengan menggunakan termometer.
- Bagi setiap satu ruang, sekurang-kurangnya tiga (3) bacaan perlu diambil pada tempat / jarak yang berbeza dengan *diffuser* atau unit penyaman udara (bergantung kepada saiz ruang tersebut).
- Bacaan ini direkodkan ke dalam borang seperti **Borang JKR/PP/BLS-01a** (rujuk Bahagian C).



Gambar Rajah 5.0 : Titik Bacaan Suhu Bagi Bilik A

- Purata bacaan suhu bilik A

$$= \frac{\text{Titik } (1+2+3)}{3}$$

$$= \frac{22.9 + 23.1 + 24.9}{3}$$

$$= \underline{\underline{23.6^\circ\text{C}}}$$

Tentukan tahap bagi 23.6°C, rujuk **Jadual 14.0**.

Jadual 14.0 : Tahap Keselesaian Termal - Suhu

Kualiti Persekitaran Dalam	TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3
Tahap penyelesaian Termal			
Suhu (°C)	<21°C @ >30°C	21°C ≤ x <24°C @ 26°C < x ≤30°C	24°C ≤ x 26°C

- Skala penilaian yang diperolehi adalah **tahap 2**.
- Aktiviti purata bacaan di atas diulang bagi ruang B, C, D dan E. Dengan anggapan purata bacaan suhu bagi setiap ruang adalah seperti jadual di bawah.

Borang Purata Tahap


Ruang	Purata Bacaan (suhu)	Tahap
A	23.6 °C	2
B	22.7 °C	2
C	20.6 °C	1
D	25.3 °C	3
E	19.7 °C	1
Jumlah Tahap		9
Purata Tahap		1.8

- Bacaan suhu ini dipadankan dengan tahap seperti di dalam **Jadual 12.0: Jadual Purata Tahap**.
- Oleh kerana purata tahap adalah adalah **1.80**, skala penilaian yang diperolehi adalah **TAHAP 2**.

iv) Tahap Keselesaan Termal – *Relative Humidity*

Kaedah penilaian tahap keselesaan termal – *relative humidity* adalah seperti berikut :

- Bacaan *relative humidity* bagi ruang diambil dengan menggunakan *humidity temperature meter* atau seumpamanya.
